



**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKj,
JALAN CEMPAKA PUTIH,
OFF JALAN SEMENYIH,
43000 KAJANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran Dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj T38/2019	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Dewan Komuniti Taman Tun Perak, Di Atas Lot 30635, Jalan Tun Perak 5, Taman Tun Perak, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Kajang.	CIDB & UPEN	G4 B04 & CE21	200.00	13 Disember 2019 Hingga 2 Januari 2020

HANYA PEMILIK / PENAMA SAHAJA DIWAJIBKAN hadir mendengar taklimat dan lawatan tapak seperti berikut:

Tarikh : 12hb Disember 2019 (Khamis)
Tempat : Mini Teater Cempaka Telur
Tingkat 6, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
Masa : 8.30 pagi – 9.30 pagi (Pendaftaran)

- * Sila bawa bersama Sijil Asal Pendaftaran
- * Dokumen Tawaran hanya akan dijual kepada yang hadir mendengar taklimat dan lawatan tapak sahaja.

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak pada waktu pejabat di Kaunter Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, Selangor Darul Ehsan mulai tarikh iklan disiarkan. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Bekalan dan Perolehan di talian **03-87368017 sambungan 7022, 7011, 7200, 7023 dan 7014**.

Petender terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran. Lukisan Tender boleh diperolehi dalam bentuk cakera padat di kaunter Bahagian Bekalan Dan Perolehan pada tarikh dokumen dijual. Sila bawa bersama bukti pembelian dokumen secara atas talian.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup tender. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **13HB. DISEMBER 2019 HINGGA 2HB JANUARI 2020**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 2HB JANUARI 2020 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI**.